

FALSAFAH ALAM SEKITAR

1. Apakah yang dimaksudkan dengan falsafah alam sekitar?

Perkataan falsafah berasal dari perkataan Greek iaitu “philo” dan “Sophia” yang bermaksud cintakan kebijaksanaan atau *love of wisdom*. Manakala maksud perkataan “kebijaksanaan” yang dinyatakan tersebut adalah kejayaan atau dapatan ilmu pengetahuan hasil dari penaakulan terhadap kewujudan kejadian dialam ini. Falsafah merupakan suatu pandangan umum terhadap semua ilmu yang ada dialam ini. Ia bertujuan untuk menggalakkan wawasan dan pemahaman yang tinggi, yang wujud dalam seluruh kehidupan dialam ini. Mengikut Pojman (1991), ahli-ahli falsafah menggunakan alasan, persepsi, imaginasi dan intuisi mereka untuk membentuk dan menganalisa hujah atau teori yang mungkin dapat menjawab persoalan yang tidak berkesudahan. Berdasarkan keadaan ini, dapatlah dikatakan makna rasmi falsafah ialah penggunaan cara yang tertentu seperti logik dan perbahasan untuk memperolehi kebenaran dan pengetahuan tentang persoalan yang wujud berkaitan dengan alam ini. Alam sekitar pula adalah dimaksudkan dengan alam kehidupan yang dihuni oleh manusia, haiwan dan tumbuhan iaitu bumi ini.

Gabungan dua perkataan ini telah membentuk falsafah alam sekitar yang membawa maksud bagaimanakah manusia mengeksploitasi kebijaksanaan mereka dalam mereka berinteraksi dengan alam ini. Dengan menggunakan kebijaksanaan mereka ini manusia melakukan pengkajian untuk mendapatkan kebenaran dan memahami makna kehidupan yang sebenarnya. Hasilnya wujudlah pelbagai bidang atau cabang ilmu seperti sains, matematik, fizik, etika dan lain-lain ilmu lagi. Kesemua ini adalah terangkum dalam satu rumpun yang sama iaitu falsafah. Pengkajian ini dilakukan dengan melalui

pemahaman dan kebijaksanaan bagi membentuk kemahiran-kemahiran analitikal dan logik serta hujah-hujah yang luas tentang sesuatu perkara berkaitan dengan alam ini. Ia adalah suatu perkara yang agak sukar. Ini kerana semakin mendalam sesuatu perkara itu dikaji untuk mendapatkan kefahaman tentangnya, semakin sedikit cara atau kaedah yang ada atau dapat digunakan untuk mengkajinya.

Dasar bagi sesuatu kajian falsafah itu ialah penghujahan. Ahli-ahli falsafah ini cuba untuk memahami, menganalisa dan menjelaskan cadangan-cadangan, pendapat-pendapat, teori dan kepercayaan yang terdapat dalam alam ini untuk mendapatkan kewajaran dalam hujah mereka tentang sesuatu perkara itu. Aspek kewajaran adalah perkara yang terpenting dalam membentuk sesuatu hujah. Ini kerana hujah yang tidak wajar atau tidak munasabah adalah tidak dapat diterima oleh orang ramai serta dianggap sebagai tidak sah.

Dalam falsafah terdapat banyak persoalan-persoalan yang berbentuk spekulatif dan metafizik berbanding yang saintifik. Ini menyebabkan banyak tesis-tesis yang penting tidak dapat dibuktikan. Ahli sains yang menghadapi masalah ini telah menghasilkan banyak kajian-kajian yang kemudiannya dikenali sebagai “falsafah kosmologi” atau “falsafah sains”. Kajian-kajian ini telah memecahkan falsafah alam sekitar tersebut menjadi satu bidang yang lain, masing-masing terbentuk sebagai satu wacana ilmu yang tersendiri seperti sains, matematik, fizik, kimia dan sebagainya. Masing-masing adalah berbeza antara satu sama lain walaupun ia adalah dari satu rumpun yang sama. Walaupun banyak bidang yang diasingkan dari induk asalnya iaitu falsafah namun masih lagi terdapat beberapa bidang yang tetap bersama falsafah seperti metafizik, epistemologi, logik, falsafah agama, dan etika.

Terdapat tiga komponen dalam falsafah alam sekitar yang menghuraikan dan memberikan kefahaman tentang alam sekitar. Komponen pertama ialah mengenai bidang-bidang falsafah sekunder yang terdapat dalam bidang-bidang yang telah terasing tadi seperti falsafah sains, fizik, dan lain-lain. Perkara yang terlibat dalam komponen ini ialah mengenai persoalan terhadap konsep-konsep dan masalah-masalah teoritikal yang terdapat dalam falsafah tersebut. Bagi menghurai sesuatu analisis terhadap konsep skema teoritikal, ia memerlukan kepada kepakaran dalam aspek kefalsafahan. Kemudian apabila alam ini berkembang dan menghasilkan bidang teknologi, ia turut mencipta masalah-masalah yang baru. Dalam mencari penyelesaian terhadapnya, akan turut menghasilkan banyak etika gunaan seperti etika perniagaan, etika alam sekitar dan sebagainya. Rentetan-rentetan pencapaian tersebut akan membentuk satu sejarah dan sejarah ini memainkan peranan yang dialektik berkaitan dengan falsafah. Ini kerana ahli-ahli falsafah tersebut tidak hanya meneroka sejarah falsafah tersebut sahaja, malah turut sama mengkaji secara kritikal prinsip-prinsip yang terdapat dalam sejarah kajian itu sendiri yang membawa kepada terhasilnya falsafah sejarah.

Bidang epistemologi dalam kajian falsafah alam sekitar juga turut meliputi perkara seperti punca pengalaman dan pandangan atau persepsi seperti metafizik, moral, etika, ontologi. Aspek kewujudan dan metodologi dalam bidang-bidang ini menyediakan kaedah untuk digunakan dalam kajian. Kombinasi ketiga-tiga komponen ini akan memberi kefahaman terhadap alam sekitar dari aspek fizikal, mental, dan material. Aspek fizikal ialah elemen abiotik atau elemen bukan hidup yang terdapat dalam alam sekitar sama ada ia bernilai pasaran atau tidak. Aspek mental pula adalah berkaitan dengan

keselesaian, penghayatan, kesedaran, pemikiran, dan kebahagiaan manusia. Mnakala aspek material pula adalah yang bernilai pasaran atau tidak.

Perkembangan falsafah alam sekitar muncul sejak zaman awal lagi, iaitu sejak tamadun Greek lagi. Aristotle alah satu-satunya ahli falsafah yang terawal, yang hampir mendekati falsafah alam semulajadi dari perspektif ekologi. Beliau mengenal pasti tentang keperluan untuk satu pemerhatian terhadap biologi dan geologi. Bagaimanapun beliau tidak berminat untuk melindungi alam semulajadi ini. Beliau berpendapat semua kejadian di alam ini adalah untuk kegunaan manusia serta perbuatan manusia adalah juga telah ditentukan oleh alam ini. Oleh itu manusia tidak boleh dipersalahkan terhadap apa jua tindakan mereka.

Begitulah penjelasan tentang falsafah alam sekitar. Walaubagaimanapun penjelasan ini adalah berdasarkan pendapat ahli-ahli pengkaji barat yang mengkaji falsafah alam sekitar berdasarkan pendekatan-pendekatan seperti persoalan tentang hidup dan kehidupan, cabang-cabang dan teori-teori falsafah dan melakukan kajian terhadap falsafah barat yang terdahulu. Walaubagaimanapun apa yang dapat difahami berdasarkan huraian diatas, falsafah alam sekitar itu adalah bagaimana manusia itu menggunakan kebijaksanaan mereka untuk berhubung dengan alam sekitar. Kebijaksanaan yang dimaksudkan disini adalah daripada apa yang dibekalkan oleh ilmu pengetahuan sebagai landasan dalam mencari kebenaran melalui penelitian, punca, proses, asas, atau asal-usul sesuatu elemen alam sekitar tersebut.

2. Bandingkan sikap di antara masyarakat animisme dan kolonial terhadap alam sekitar.

Falsafah alam sekitar adalah berbeza antara satu tempat dengan satu tempat yang lain. Mengikut ahli falsafah barat alam ini dan penghuninya yang terdiri dari binatang, tumbuhan dan alin-lain adalah dijadikan untuk kegunaan manusia. Sebaliknya bagi orang-orang Asia, falsafah alam sekitarnya adalah berdasarkan Animisme yang merupakan kepercayaan dan agama. Kepercayaan dan agama yang dianuti oleh penduduk peribumi adalah bergantung seratus peratus kepada alam semulajadi. Mereka banyak terdedah kepada alam sekitar dan turut sama mengalami apa yang berlaku kepada alam sekitar seperti bencana alam, serangan binatang buas, dan penyakit. Manakala kegiatan-kegiatan ekonomi yang dijalankan adalah kecil dan bertujuan untuk menyara diri sahaja.

Walaupun masyarakat Asia ini terdedah serta terlibat secara langsung dengan keadaan ini, mereka tidak mengetahuinya secara saintifik dan tiada kajian secara saintifik yang dilakukan terhadapnya. Akibatnya banyak perkara-perkara tentang alam ini yang tidak diketahui oleh mereka. Keadaan ini menyebabkan mereka menjadi takut untuk bertindak sewenang-wenangnya terhadap elemen-elemen yang terdapat dialam ini. Perasaan takut ini seterusnya telah menimbulkan satu dongengan atau tahyul terhadap kepelbagaian kejadian alam. Berlainan pula dengan masyarakat kolonial. Ini kerana bagi masyarakat kolonial, falsafah alam sekitar mereka adalah berdasarkan kepada idea atau pemikiran berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap sesuatu benda tersebut bagi mencari kewajaran terhadap kewujudan dan kepentingannya. Masyarakat kolonial ini tidak menghormati alam sekitar sebagaimana orang tempatan. Bagi mereka falsafah alam sekitar dilihat dari aspek material iaitu keuntungan yang boleh mereka perolehi dari satu-satu tempat untuk kepentingan tanahair mereka.

Sikap masyarakat animisme juga adalah berbeza berbanding dengan masyarakat kolonial terhadap alam sekitar. Masyarakat animisme menganggap mereka adalah sebahagian daripada alam ini, oleh itu setiap perbuatan atau tindakan mereka terhadap kehidupan-kehidupan di alam ini adalah sama seperti tindakan sesama manusia. Ekoran dari persepsi ini, maka wujudlah amalan-amalan dan pantang larang dalam masyarakat animisme. Amalan-amalan ini selain dari sebagai satu penghormatan, ia adalah sebagai satu bentuk pemujaan terhadap semangat-semangat yang dipercayai wujud pada objek-objek semulajadi tersebut terutama yang dilihat berbentuk agak ganjil atau berbeza dengan yang lain. Amalan-amalan tersebut adalah seperti memuja pantai, menyembah nenek moyang, membuka hutan, menuai padi dan sebagainya. Adat dan amalan yang dilakukan terhadap alam sekitar ini jelas menunjukkan mereka sangat-sangat menghormati elemen-elemen alam sekitar manakala tahap penghormatan yang diberikan oleh masyarakat animisme terhadap alam adalah sangat tinggi sehingga mencapai kepada tahap penyembahan dan diterapkan kedalam amalan-amalan budaya hidup mereka seharian.

Keadaan ini berbeza dengan masyarakat kolonial. Asas falsafah alam sekitar bagi masyarakat kolonial ialah melihat sesuatu elemen alam sekitar dari aspek mana sumber-sumber yang bernilai itu boleh diambil untuk memperkayakan perbendaharaan tanahair mereka. Asas falsafah ini telah membawa kepada pengeksploitasian terhadap sumber-sumber alam untuk kepentingan manusia. Walaupun masyarakat kolonial ini mengadakan undang-undang yang bertujuan untuk memelihara sumber alam namun ia hanyalah bertujuan untuk memenuhi kepentingan mereka dan memudahkan mereka mengeksploitasikan sumber alam.

Kehidupan masyarakat animisme ini adalah dianggap sebagai masyarakat tradisional oleh masyarakat kolonial. Dalam masyarakat ini tidak ada perkembangan sains dan teknologi, oleh itu kehidupan masyarakat zaman ini tidak melakukan pengeksploitasian terhadap alam sekitar. Manakala kehidupan masyarakat kolonial adalah zaman-zaman awal perkembangan sains dan teknologi. Perkembangan ini membawa bersama penemuan-penemuan kepentingan sumber-sumber alam. Oleh itu masyarakat kolonial cuba sedapat mungkin untuk mengeksplotasi sumber alam ini untuk memperolehi keuntungan darinya. Perspektif yang diamalkan oleh masyarakat kolonial ini akhirnya telah turut mempengaruhi masyarakat tempatan atau masyarakat tradisional dalam pandangan mereka terhadap alam sekitar. Banyak perubahan telah berlaku terhadap masyarakat animisme ini terutama dari aspek ekonomi. Kegiatan ekonomi yang dulu bertujuan untuk menyara diri tetapi telah dianggap sebagai bahan komersial dan perdagangan antarabangsa. Begitulah perbezaan dalam falsafah alam sekitar yang wujud diantara masyarakat animisme dan masyarakat kolonial.

RENAISANS

Zaman Renaisans adalah suatu zaman peralihan paradigma atau pemikiran yang dialami oleh masyarakat Eropah. Perkataan Renaisans ini yang diambil dari perkataan 'Renaissance' dalam bahasa Perancis bermaksud 'kelahiran semula'. 'Kelahiran semula' atau 'Renaissans' tersebut merujuk kepada zaman yang telah membawa perubahan terhadap masyarakat Eropah. Ia adalah zaman peralihan atau transisi dari Zaman kegelapan yang dialami oleh orang-orang Eropah sebelum ini kepada Zaman modennya. Ia juga dianggap sebagai zaman kebangkitan kepada tamadun Eropah.

Terdapat banyak pendapat yang diberikan tentang bagaimana boleh berlakunya Renaisans di Eropah. Namun begitu kesemua pendapat tersebut boleh dibahagikan kepada dua sahaja. Satu pendapat mengatakan berlakunya Renaisans adalah kerana kesedaran yang timbul didalam masyarakat Eropah itu sendiri akibat dari keadaan sosial, ekonomi dan politik yang wujud pada masa tersebut tanpa pengaruh dari mana-mana fahaman luar. Sementara satu pendapat lagi mengatakan ia adalah akibat dari perkembangan tamadun Islam yang telah berkembang pesat pada ketika itu sehingga ke benua Eropah. Ini kerana sebelum 'Renaisans', Eropah telah mengalami beberapa tamadun dunia lai seperti Tamadun Yunani (Greek), Romawi dan seterusnya zaman perkembangan pengaruh kuasa Gereja Katolik Eropah.

Renaisans telah bermula di Itali pada abad yang ke 14 masehi dan terus memuncak dalam abad yang ke 15 masehi dan 16 masehi manakala dikawasan-kawasan lain di Eropah pula bermula pada abad yang ke 15. Perubahan peradaban ini telah mengambil masa yang panjang, namun begitu ia telah memberikan banyak perubahan dan pemodenan terhadap struktur sosial, ekonomi dan politik Eropah.

Terdapat beberapa cara bagaimana ilmu pengetahuan Islam berpindah ke Eropah dan membantu orang-orang Eropah dalam Zaman Renaisans seperti pembinaan banyak institusi-institusi pendidikan di Sepanyol, umat Islam di Sicily (Selatan Itali), dan Perang Salib antara Orang Islam dengan Orang Kristian dalam abad ke12 dan 13 masehi.

Pendapat yang mengatakan Zaman Renaisans bermula dengan sebab musabbab yang wujud dalam masyarakat Eropah itu sendiri adalah silap. Pendapat ini diberikan akibat sikap para sejarawan Eropah yang telah sengaja menyorokkan peranan-peranan penting yang dimainkan oleh umat Islam terutama orang-orang Islam di Sepanyol yang

dikenali sebagai “Saracens”. Mereka ini begitu membenci orang-orang Islam kerana salah faham semenjak berlaku “Peperangan Salib” antara orang-orang Kristian dengan Orang-orang Islam. Dunia telah lama mengakui tentang sumbangan orang Islam yang begitu besar dalam bidang ilmu seperti ilmu sains, matematik, astronomi, pelayaran, pertanian, dan perubatan. Perkembangan ilmu dalam pelbagai bidang ini telah membuka menjurus kepada lain-lain penemuan dan eksplorasi oleh ahli-ahli sains, ahli pelayaran Eropah.

Sistem pentadbiran Islam yang telah memberikan kebebasan kepada para umatnya, telah menyebabkan umatnya menjadi maju. Ini kerana segala aktiviti ilmu mereka tidak disekat atau terikat dengan kepercayaan-kepercayaan atau peraturan-peraturan yang karut-marut sepertimana yang wujud dalam masyarakat Eropah yang menganut ajaran Kristian. Tidak ada penguasa-penguasa atau polis yang menekan mereka dalam mendalami ilmu dan membuat ujikaji, bahkan mereka ini telah diberikan galakan dan habuan yang lumayan sekiranya berjaya menghasilkan dapatan baru. Keadaan ini adalah berbeza dengan orang-orang Eropah pada zaman tersebut (Zaman Kegelapan). Orang-orang Eropah termasuk pemerintah pada zaman tersebut adalah tertakluk dibawah telunjuk pihak gereja, yang merupakan satu organisasi terbesar yang menentukan keadaan sosial dan politik mereka. Sekiranya sesuatu perkara itu tidak dibenarkan oleh Pihak gereja, maka ia tidak boleh dilakukan dan sekiranya dilakukan mereka akan dihukum dengan hukuman yang berat. Dalam keadaan ini, perkembangan ilmu antara kedua-duanya iaitu Orang Islam dengan Orang-orang Kristian pada masa itu adalah lebih pesat bagi orang Islam. Banyak dapatan-dapatan sains yang menakjubkan diperolehi oleh Orang-orang Islam. Sementara itu Peperangan Salib yang telah membawa kemenangan

kepada Orang-orang Islam ini juga telah menyebabkan Institusi Gereja mengharamkan orang-orang Eropah mempelajari ilmu-ilmu Orang Islam terutamanya ilmu sains yang telah begitu maju dalam masyarakat Islam pada masa itu. Oleh kerana sikap prejudis dan kebencian yang melampau ini Orang-orang Eropah dilarang sama sekali oleh Pihak gereja untuk mengkaji ilmu sains kerana penemuan-penemuan dalam ilmu sains adalah dianggap sebagai perbuatan sihir dan pengamal sihir akan dihukum bakar hidup-hidup. Larangan ini telah menyebabkan orang-orang Kristian Eropah takut untuk mempelajari dan mengembangkan ilmu sains.

Selain dari itu keadaan sosial masyarakat Eropah pada zaman tersebut juga menjadi semakin buruk. Manakala institusi Gereja Eropah yang berkuasa pada waktu itu telah begitu melampaui batasan dan menyekat kebebasan individu dalam ekonomi dan pelajaran. Kegiatan-kegiatan pihak Gereja Eropah ini telah mengkayakan dan menambahkan lagi kekuasaan mereka. Banyak perkara-perkara yang karut-marut telah ditambah dalam ibadah orang-orang Kristian seperti pemujaan tokoh-tokoh gereja dan mengadakan patung-patung berhala dalam gereja, penjualan sijil-sijil pengampunan dan lain-lain lagi. Semua ini membawa kesengsaraan kepada orang-orang Eropah. Bagaimanapun umat Islam pula dengan kebebasan yang diberikan telah mengkaji ilmu sains dengan tujuan untuk mengetahui kegunaannya dan penggunaannya dan menjalani kehidupan yang makmur dan mewah.

Melihatkan kehidupan jiran mereka yang maju dan kaya ini, menyebabkan orang-orang Kristian Eropah telah memberontak menentang Institusi Gereja. Pemberontakan-pemberontakan dan perkembangan dalam masyarakat Eropah selepas itu telah membawa kepada pensekularan ilmu yang telah memisahkan ilmu dari daripada agama dan lebih

menekankan kepada kebebasan individu dan bersifat toleransi. Kaadaan ini telah menyebabkan perkembangan ilmu semakin maju di Eropah.

Selaras dengan Perkembangan ilmu dalam masyarakat Islam Sepanyol (Saracens) telah wujud banyak sekolah dan universiti. Umat Islam Sepanyol dibawah pemerintahan Kerajaan Umayyah didapati telah membinanya semenjak dari abad yang ke 8 masehi lagi di Andalusia. Institusi-institusi pengajian yang dibina ini adalah yang terbaik yang terdapat diseluruh dunia dan terdapat ramai penuntut-penuntut dari Eropah telah mengunjungi universiti-universiti ini. Perkembangan ini menyebabkan banyak ilmu-ilmu Orang Islam yang telah dibawa ke Eropah yang seterusnya menjadi semakin maju.

Demikianlah Zaman Renaisans yang dianggap oleh Orang-orang Eropah sebagai satu zaman pemangkin atau penggalak yang membawa kepada pemodenan dan kemajuan dalam masyarakat Eropah.

Oleh :

Shaharudin Abdullah

Pok Wong Besut